A

**PP**

**lwn.**

**ALAM SHAH HJ MOHAMAD**

B

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUANTAN
AB KARIM AB RAHMAN PK
[RAYUAN JENAYAH NO: 42H-4-3-2013]
25 MAC 2014

C ***UNDANG-UNDANG JENAYAH:*** *Kanun Keseksaan - Seksyen 395 - Rompakan berkumpulan - Faktor-faktor yang dipertimbangkan dalam menjatuhkan hukuman - Faktor peningkatan kes-kes rompakan berkumpulan - Sama ada kesalahan serius - Sama ada hukuman berat atau tempoh penjara yang panjang wajar*

D ***PROSEDUR JENAYAH:*** *Hukuman - Rayuan - Kesalahan rompakan berkumpulan - Faktor-faktor yang dipertimbangkan dalam menjatuhkan hukuman - Sama ada kepentingan awam pertimbangan utama - Faktor peningkatan kes-kes rompakan berkumpulan - Sama ada hukuman perlu berbentuk 'deterrent' - Sama ada rekod kesalahan lampau tertuduh perlu*
E *diambil kira - Sama ada gangguan dari segi mental dan kehilangan harta benda mangsa dipertimbangkan - Sama ada hukuman setimpal dengan kesalahan*

Responden telah dituduh di bawah s. 395 Kanun Keseksaan
F ('Kanun') kerana melakukan satu rompakan berkumpulan. Responden bersama-sama dengan empat orang yang lain, yang masih bebas, telah memasuki rumah mangsa pada waktu malam. Salah seorang daripada mereka telah mengacukan pisau kepada mangsa sementara yang lain menyelongkar almari dan tempat
G simpanan barangan berharga milik mangsa dan isterinya. Hasil daripada siasatan yang dijalankan, responden telah ditangkap. Di Mahkamah Sesyen, responden telah menukar pengakuannya kepada bersalah setelah Hakim Mahkamah Sesyen ('HMS') memanggil responden untuk membela diri atas pertuduhan yang
H dikenakan ke atasnya. Oleh itu, HMS telah menjatuhkan hukuman penjara 13 tahun dan dua kali sebatan terhadap responden. Pihak pendakwaan yang tidak berpuas hati, merayu terhadap hukuman yang dijatuhkan kepada responden atas alasan, antara lain, bahawa (i) hukuman yang dikenakan adalah tidak setimpal dan berpadanan;
I dan (ii) HMS telah gagal mempertimbangkan faktor-faktor yang sewajarnya dalam menjatuhkan hukuman.

**Diputuskan (membenarkan rayuan; menjatuhkan hukuman penjara 16 tahun dan lima kali sebatan):**

**(1)** Sebelum mengganggu sesuatu hukuman, mahkamah yang melaksanakan bidangkuasa rayuan perlu mempertimbangkan, berdasarkan fakta dan hal keadaan kes, sama ada hukuman yang dikenakan oleh mahkamah bawahan adalah salah dari segi undang-undang atau terlalu berlebihan atau tidak mencukupi. Pertimbangan utama dalam menilai hukuman adalah soal kepentingan awam. Dalam kes ini, HMS telah kurang mempertimbangkan soal kepentingan awam dan dengan itu telah khilaf. (perenggan 10 & 13)

**(2)** Kesalahan rompakan secara berkumpulan merupakan kesalahan serius dalam negara ini yang melibatkan kehilangan harta benda dan keselamatan tubuh badan. Mahkamah harus mengambil 'judicial notice' tentang peningkatan kes-kes rompakan berkumpulan dalam bangunan. Dengan itu, hukuman yang dikenakan harus berbentuk 'deterrent' supaya memberikan pengajaran kepada orang lain. Hukuman berat atau tempoh hukuman penjara yang panjang akan memberikan keadilan kepada masyarakat awam. Pada masa yang sama, ia akan memberi amaran dan ingatan kepada mereka yang berniat untuk melakukan kesalahan yang serupa. (perenggan 14-16)

**(3)** Responden mempunyai banyak rekod kesalahan lampau, antara lain, samun yang menyebabkan kecederaan di bawah s. 394/397 Kanun, merompak dan menyebabkan kecederaan parah di bawah s. 392/395 Kanun dan juga kesalahan di bawah ss. 15(1)(a) dan 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952. Dalam setiap kesalahan tersebut, responden dikenakan hukuman penjara dan sebatan. Faktor latar belakang responden dan faktor ketidakinsafannya harus dipertimbangkan dengan sewajarnya dalam mengenakan hukuman berat sebagai pengajaran kepada responden dan juga orang lain. (perenggan 20 & 21)

**(4)** Hukuman yang dikenakan kepada responden haruslah sesuai dan selaras dengan gangguan dari segi mental dan kehilangan harta benda yang dialami oleh mangsa. Memandangkan responden telah mengacukan pisau dan mengugut mangsa dan mengambil kira jumlah harta yang hilang, responden tidak

A sepatutnya dilayan dengan hukuman yang ringan. Mahkamah, oleh itu, mendapati bahawa hukuman yang dijatuhkan tidak setimpal dan tidak mencukupi. Hukuman yang sesuai adalah 16 tahun penjara dan lima kali sebatan. (perenggan 22 & 23)

B **Kes-kes yang dirujuk:**
*Abdul Rahman Ibrahim v. The Public Prosecutor of Johore [1938] 1 LNS 3 HC* ***(dirujuk)***
*Deputy Public Prosecutor v. Isaac Elion [1949] 1 LNS 17 HC* ***(dirujuk)***
*Ong Lai Kim & Ors v. PP [1991] 2 CLJ 1568; [1991] 3 CLJ (Rep) 376 HC* ***(dirujuk)***
C *PP v. Darmalingam R Kandiah [1988] 1 CLJ 840; [1988] 2 CLJ (Rep) 227 HC* ***(dirujuk)***
*PP v. Loo Choon Fatt [1976] 1 LNS 102 HC* ***(dirujuk)***
*PP v. Rajandran & Anor [1985] 1 LNS 30 HC* ***(dirujuk)***
*PP v. Wong Chak Heng [1985] 1 CLJ 375; [1985] CLJ (Rep) 717 HC*
D ***(dirujuk)***
*R v. Ball (1951) 35 Cr App R 164* ***(dirujuk)***
*Radin Ibrahim Gusti Yassar v. PP [1988] 1 LNS 73 HC* ***(dirujuk)***
*Reg v. Smith (1978) 67 Cr App R 211* ***(dirujuk)***

**Perundangan yang dirujuk:**
E Dangerous Drugs Act 1952, ss. 12(2), 15(1)(a)
Penal Code, ss. 392, 394, 395, 397, 457

*Bagi pihak perayu - Hadir sendiri*
*Bagi pihak pendakwaan - Amer Abu Bakar Abdullah; TPR*

F *[Rayuan dari Mahkamah Sesyen, Kuantan; Kes Jenayah No: 62-2-01-2012]*

*Dilaporkan oleh S Barathi*

G **PENGHAKIMAN**

**Ab Karim Ab Rahman PK:**

**[1]** Responden dalam kes ini telah dituduh di bawah kesalahan s. 395 KK di Mahkamah Sesyen Kuantan. Pertuduhannya seperti
H berikut:

> Bahawa kamu pada 26.04.2010 jam lebih kurang 3.30 pagi bertempat disebuah rumah beralamat No. 37, Lorong IM 5/1, Pasdec Makmur, Bandar Indera Mahkota didalam Daerah
I Kuantan, di dalam Negeri Pahang bersama-sama dengan empat orang lagi yang masih bebas telah melakukan rompak berkumpulan ke atas harta yang dimiliki oleh Ahmad Fuad bin Ibrahim, nombor

kad pengenalan 520125-06-5043 dan Mariam binti Ismail, no kad pengenalan 530929-03-5156 sehingga menyebabkan kerugian keseluruhannya bernilai lebih kurang RM40,000.00.

Oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan dibawah seksyen 395 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum dibawah Akta yang sama.

**[2]** Responden telah menukar pengakuan kepada bersalah setelah Hakim Mahkamah Sesyen yang bijaksana memanggil responden membela diri atas pertuduhan tersebut. Responden telah dijatuhkan hukuman penjara selama 13 tahun berkuatkuasa dari tarikh hukuman (19 Februari 2013) dan dua kali sebatan.

## Fakta Kes

**[3]** Fakta kes ini, secara ringkas ianya seperti berikut:

Pada 26 April 2010 pada jam lebih kurang 3.30 pagi semasa SP1 (pengadu) dan SP2 (isteri) sedang tidur di dalam bilik rumah mereka di No. 37, Lorong IM 5/1, Pasdec Makmur, Bandar Indera Mahkota Kuantan, tiba-tiba SP1 dan SP2 terdengar bunyi dentuman yang kuat hingga mengejutkan mereka daripada tidur. SP1 mendapati ada dua orang menaiki katil mereka. Salah seorang mengacu pisau ke badan SP1. Seorang lagi dekat dengan SP2. Tangan SP1 dan SP2 kemudian diikat dengan dawai dan ditutup muka mereka dengan kain. Lelaki itu menanyakan SP1 ada duit dalam laci. Lelaki itu menggugut SP1 untuk memotong telinga SP1.

**[4]** Dalam masa itu, beberapa lelaki itu telah membongkar almari dan tempat simpanan barang berharga milik SP1 dan SP2 dan kemudian beredar keluar daripada rumah itu. SP1 dan SP2 selepas itu mendapati bilik tidur berselerak dan pintu bilik tidur telah dipecahkan dengan menggunakan tong gas dan di bahagian dapur pintu sliding door dan grill terbuka dan rosak.

**[5]** SP1 telah membuat aduan polis. Dari siasatan polis didapati beberapa barang kemas, jam tangan dan wang tunai telah hilang yang dianggarkan kerugian kira-kira RM40,000. OKT ditangkap pada 15 Disember 2011 semasa berada di Balai Polis Mersing. Hasil siasatan dijalankan telah menemui kesan cap jari di tempat kejadian dan sepadan dengan cap jari OKT.

**[6]** Pada 19 Februari 2013, responden telah menukar pengakuannya kepada bersalah setelah Hakim Mahkamah Sesyen yang bijaksana memanggil responden membela diri atas pertuduhan tersebut. Setelah mempertimbangkan fakta yang dikemukakan oleh pihak pendakwa dan diakui oleh responden dan rayuan responden untuk meringankan hukuman, Hakim Mahkamah Sesyen yang bijaksana telah menyabitkan dan menjatuhkan hukuman terhadap responden 13 tahun penjara dari tarikh hukuman (19 Februari 2013) dan dua kali sebatan. Pendakwa Raya telah tidak berpuas hati dengan hukuman yang dikenakan ke atas responden dan telah memfailkan notis rayuan ke Mahkamah Tinggi.

**Alasan Rayuan**

**[7]** Di perenggan 2 notis rayuan, Pendakwa Raya telah bergantung kepada tujuh alasan rayuan iaitu:

(i) Puan Hakim telah khilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila memutuskan bahawa hukuman yang dijatuhkan ke atas responden adalah setimpal dan berpadanan;

(ii) Puan Hakim telah khilaf dari segi fakta dan undang-undang kerana gagal dalam membuat penilaian yang sewajarnya terhadap kepentingan awam bagi kesalahan rompak berkumpulan yang merupakan suatu kesalahan yang amat serius di negara ini, yang dipamerkan melalui hukuman maksima sehingga 20 tahun boleh dikenakan terhadap responden;

(iii) Puan Hakim telah khilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila gagal memberi penilaian sewajarnya terhadap kekerapan kes-kes rompak berkumpulan terhadap rumah kediaman yang semakin berleluasa kini;

(iv) Puan Hakim telah terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang kerana gagal memberi pertimbangan yang sewajarnya terhadap fakta kes ini di mana mangsa-mangsa adalah warga emas yang lemah dan telah dikasari secara emosi dan fizikal;

(v) Puan Hakim adalah terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila memberi pertimbangan yang berlebihan terhadap faktor mitigasi responden;

(vi) Puan Hakim telah terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila memberi pertimbangan yang berlebihan terhadap faktor pengakuan salah responden dan pengakuan dibuat setelah

perayu berjaya membuktikan kes *prima facie* terhadap responden dan responden tidak mempunyai pembelaan yang bermerit; dan

(vii) Puan Hakim telah terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila gagal memberi penilaian yang sewajarnya terhadap faktor pemberat iaitu responden mempunyai banyak rekod lampau dan masih melakukan kesalahan di bawah s. 457 Kanun Keseksaan selepas merompak bagi pertuduhan dalam kes ini.

**[8]** Timbalan Pendakwa Raya (TPR) menghujahkan bahawa hukuman adalah tidak setimpal dan tidak memadai dengan kesalahan yang dilakukan. Sementara responden yang tidak diwakili oleh peguam memohon supaya hukuman yang telah dikenakan ke atasnya dikekalkan.

**Keputusan Mahkamah**

**[9]** Setelah mendengar kedua-dua pihak TPR dan responden, mahkamah telah membenarkan rayuan Pendakwa Raya. Mahkamah telah menambah hukum penjara responden dari 13 tahun penjara ke 16 tahun penjara dan hukum sebat dari dua kali kepada lima kali sebatan.

**[10]** Adalah menjadi undang-undang yang mantap bahawa mahkamah dalam menjalankan bidangkuasa rayuan mesti mempertimbangkan sama ada hukuman yang dikenakan oleh mahkamah bawahan adalah salah sama ada dari segi undang-undang atau ianya terlalu berlebihan atau terlalu tidak mencukupi berdasarkan fakta dan hal keadaan kes sebelum mengganggu sesuatu hukuman. Prinsipnya ini dijelaskan oleh Gordon Smith, J dalam case *Deputy Public Prosecutor v. Isaac Elion* [1949] 1 LNS 17. Hakim yang bijaksana dalam kes ini menyatakan:

> ... Before an appellate court interfered with the sentence of a court below, the appellate Court had to be satisfied that the sentence must be shown to be wrong either in law or that it is manifestly excessive or inadequate on the facts and circumstances ... I would ... refer to *Liow Chow & Anor v. PP* and *Abdul Rahman v. PP (2)* the latter case being approved by the former.

**[11]** Dalam kes *Abdul Rahman Ibrahim v. The Public Prosecutor of Johore* [1938] 1 LNS 3, Mc Elwaine CJ menyatakan:

> This Court will, in determining appeals, ... reduce or enhance sentences when, having before us all the material which the trial judge had before him, we consider, having regard to all the circumstance of the case, that the sentence imposed is manifestly excessive or inadequate.

**[12]** Berdasarkan prinsip di atas, mahkamah ini mendapati bahawa dalam fakta dan hal keadaan kes ini Hakim Mahkamah Sesyen yang bijaksana kurang mempertimbangkan soal kepentingan awam. Dalam mengenakan hukuman yang sesuai dan secukupnya, prinsip yang harus menjadi panduan mahkamah sebagaimana yang dinyatakan dalam kes *R v. Ball* [1957] 35 Cr App R 164:

> In deciding the appropriate sentence, a court should always be guided by certain considerations. The first and foremost is the public interest. The criminal law is publicly enforced, not only with the object of punishing crime, but also in the hope of preventing it. A proper sentence, passed in public, serves the public interest in two ways. It may deter others who might be tempted to try crime as seeming to offer easy money on the supposition that, if the offender is caught and brought to justice, the punishment will be negligible. Such a sentence may also deter the particular criminal from committing a crime again, or induce him to turn from a criminal to an honest life. The public interest in indeed served, and best served, if the offender is induced to turn from criminal ways to honest living. Our law does not, therefore, fix the sentence for a particular crime, but fixes a maximum sentence and leaves it to the court to decide what is, within that maximum, the appropriate sentence for each criminal in the particular circumstances of each case. Not only in regard to each crime, but in regard to each criminal, the court has the right and the duty to decide whether to be lenient or severe.

**[13]** Oleh itu, pertimbangan utama dalam menilai hukuman adalah persoalan kepentingan awam (lihat *PP v. Loo Choon Fatt* [1976] 1 LNS 102; [1976] 2 MLJ 256; *PP v. Darmalingam R Kandiah* [1988] 1 CLJ 840; [1988] 2 CLJ (Rep) 227). Dalam hal ini mahkamah bersetuju dengan hujahan TPR bahawa hukuman adalah tidak setimpal dan sepadan. Hakim Mahkamah Sesyen yang bijaksana telah khilaf apabila beliau kurang menekankan faktor kepentingan awam walaupun faktor ini disebut di ms. 10 rekod rayuan.

**[14]** Hukuman yang dikenakan tidak mencerminkan faktor kepentingan awam. Kesalahan rompakan secara berkumpulan merupakan kesalahan yang serius di negara ini yang melibatkan kehilangan harta benda dan keselamatan tubuh badan. Dengan itu fakta kepentingan awam ini seharusnya diberi keutamaan melebihi faktor-faktor yang lain.

**[15]** Hakim Mahkamah Sesyen yang bijaksana juga jelas khilaf kerana tidak mempertimbangkan langsung perkara kekerapan berlakunya kesalahan rompakan berkumpulan. Mahkamah harus mengambil "judicial notice" akan peningkatan kes-kes rompakan berkumpulan di dalam bangunan ini sebagaimana yang sering dilaporkan di akhbar-akhbar dan televisyen. Dengan itu hukuman yang dikenakan harus berbentuk 'deterrent' supaya memberi pengajaran kepada orang lain, kerana itu Parlimen telah menggubal undang-undang dan mewajibkan hukuman penjara ke atas pesalah di bawah s. 395 KK yang boleh sehingga 20 tahun penjara.

**[16]** Kekerapan berlakunya kesalahan adalah faktor yang memberi justifikasi dalam penentuan tempoh sesuatu hukuman. Dengan mengenakan hukuman yang berat atau tempoh hukuman penjara yang panjang akan memberi keadilan kepada masyarakat awam. Dalam masa yang sama memberi amaran dan ingatan kepada mereka yang berniat untuk melakukan kesalahan yang serupa. Masyarakat awam perlu dilindungi dan hukuman yang berat perlu dikenakan atas pesalah yang melakukan kesalahan samun ini. Bersesuaian apa yang dikatakan oleh Lawton LJ dalam *Reg v. Smith* (1978) 67 Cr App R 211 di ms. 212:

> It may be necessary to set out and stress the reasons why at the present time offences of this kind should be dealt with severely and usually by a custodial sentence. It is with in the knowledge of this court, and the criminal statistics bear it out, that one of the growth criminal industries in this country is burglary. The particular type of burglary which is becoming very common indeed is breaking into other people's homes. On all sides members of the public, if they have not been burgled themselves, hear that their friends and relatives have been. This court knows that when there is a burglary in a house great distress is caused. Not only is there a loss of property but there is induced a feeling of insecurity. This court knows that when the house holders are women they sometimes worry a great deal about what has happened to them. It has been said, and rightly said, that when a house has been burgled it never seems the same again.

**[17]** Dalam kes *Public Prosecutors v. Rajandran & Anor* [1985] 1 LNS 30; [1985] 2 MLJ 260, yang melibatkan kes pecah rumah dan curi, Hakim Mahkamah Tinggi Chan J menyatakan di ms. 261:

> Let it be repeated: it may be necessary to set out and stress the reasons why at the present time offences of this kind should be dealt with severely and usually by a custodial sentence. Burglary in the form of breaking into other people's homes is becoming very common indeed. On all sides members of the public, if they have not been burgled themselves hear that their friends and relatives have been. When there is a burglary in a house, it is frequently turned upside-down. Burglary in the form of housebreaking is very serious crime indeed. Offenders are not likely to be discouraged by sentences which do not involve loss of liberty.

Justeru itu, dalam kes *Ong Lai Kim & Ors v. Public Prosecutor* [1991] 2 CLJ 1568; [1991] 3 CLJ (Rep) 376 di ms. 382; [1991] 3 MLJ 111 di ms. 115, Zakariah Yatim J dalam pengamatan beliau mengenai kekerapan berlakunya kesalahan rogol di negara ini menyatakan:

> The offence of rape is rampant in this country. The court will be failing in its duty if it does not impose a deterrent sentence in this case. The punishment must not only deter the appellants from committing a similar offence in the future but it must also deter others from committing such an offence. The punishment inflicted for grave offences including the crime of rape should adequately reflect the revulsion felt by the great majority of society.

**[18]** Malah kesalahan samun berkumpulan merupakan satu perkara yang memberi ketakutan pada masyarakat awam terhadap bukan saja pada kehilangan harta benda malahan keselamatan tubuh badan dan ancaman nyawa. Dalam kes *Radin Ibrahim Gusti Yassar v. PP* [1988] 1 LNS 73; [1988] 3 MLJ 237, mahkamah semasa mempertimbangkan hukuman dalam kesalahan pecah rumah pada malam hari menyatakan:

> House breaking by night of other persons dwelling houses in order to the commission of theft is considered a serious matter not only because of intrinsic value of whatever is stolen but because of the intrusion into the houses which causes insecurity and fear to house holders insecurity and fear to house holders even in their own homes. The gravity of the offence is reflected by the provision of the imprisonment term which may extend to 14 years in the Penal Code. The offence deserves fairly severe punishment and offenders must expert custodial sentences.

**[19]** Begitu juga kepada kesalahan samun berkumpulan, pandangan yang sama adalah terpakai. Seterusnya dalam kes *Public Prosecutor v. Wong Chak Heng* [1985] 1 CLJ 375; [1985] CLJ (Rep) 717; [1985] 1 MLJ 457, NH Chan J menyatakan:

> The public are entitled to be protected against such offenders. In the opinion of this court, they are not likely to be protected if lenient sentences are passed. Offenders are not likely to be discouraged by sentences which do not involve loss of liberty.

**[20]** Hakim Mahkamah Sesyen juga gagal memberi sebarang pertimbangan terhadap latar belakang responden yang mempunyai banyak rekod kesalahan lampau. Merujuk kepada kesalahan lampau responden di ms. 151 rekod rayuan di mana responden mempunyai tiga kesalahan lampau dari jenis samun mendatangkan kecederaan di bawah s. 394/397 KK, rompak dan mendatangkan kecederaan parah di bawah s. 392/395 KK, dan kesalahan dadah s. 15(1)(a) dan s. 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952.

**[21]** Hukuman dikenakan atas responden bagi tiap-tiap kesalahan itu ialah hukuman penjara dan sebatan. Faktor latar belakang responden ini dan faktor ketidakinsafan beliau harus menjadi pertimbangan sewajarnya dalam mengenakan hukuman berat bagi memberi pengajaran pada responden dan orang lain.

**[22]** Hakim Mahkamah Sesyen yang bijaksana juga tidak mempertimbangkan perilaku kesalahan yang dilakukan oleh responden dalam hal keadaan kes ini. Mangsa dalam kes ini telah diacu dengan pisau dan diugut dan jumlah harta yang hilang. Hukuman haruslah sesuai dan selaras dengan apa yang dialami oleh mangsa yang mengalami gangguan dari segi mental dan kehilangan harta benda. Oleh itu responden tidak sepatutnya dilayan dengan hukuman yang ringan.

**[23]** Dengan itu mahkamah ini mendapati bahawa dari fakta dan hal keadaan rayuan ini, hukuman 13 tahun penjara dari tarikh hukuman (19 Februari 2013) dan dua sebatan itu tidak setimpal dan tidak mencukupi. Hukuman yang sesuai ialah 16 tahun penjara dan lima kali sebatan.

**[24]** Atas alasan-alasan di atas mahkamah ini membenarkan rayuan dan mengubah hukuman yang dijatuhkan ke atas responden dari 13 tahun penjara kepada 16 tahun penjara dari tarikh 19 Februari 2013 dan dari dua kali sebatan kepada lima kali sebatan.